

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

MATEMATIK (015)

Tahun 4

1 jam 15 minit

Nama	
Kelas	

ARAHAN :

1. *Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.*
2. *Tulis nama dan nama kelas kamu pada ruang yang disediakan.*
3. *Kertas ujian ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
4. *Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.*
5. *Kertas ujian ini adalah dalam dwibahasa. Soalan dalam bahasa Melayu mendahului soalan yang sepadan dalam bahasa Inggeris.*
6. *Kamu dibenarkan menjawab keseluruhan atau sebahagian soalan sama ada dalam bahasa melayu atau bahasa Inggeris.*
7. *Kamu tidak dibenarkan menggunakan kalkulator.*

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa :			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	1	
	2	1	
	3	2	
	4	2	
	5	2	
	6	2	
	7	2	
	8	3	
	9	2	
	10	3	
	11	2	
	12	2	
	13	2	
B	1	12	
	2	12	
Jumlah		50	

BAHAGIAN A

Section A

[26 markah]

[26 marks]

Jawab **semua** soalan.

Answer all the questions.

- 1 Rajah di bawah menunjukkan sekeping kad nombor.
The diagram shows a number card.

8 <u>3</u> 567

Nyatakan nilai tempat bagi digit yang bergaris.
State the place value of the underlined digit.

[1 markah/mark]

- 2 Tukarkan $2\frac{1}{8}$ kepada pecahan tak wajar.
Convert $2\frac{1}{8}$ to an improper fractions.

[1 markah/mark]

3 $7 - 3\frac{2}{5} =$

[2 markah/marks]

- 4 5 abad 3 dekad = _____ tahun
5 centuries 3 decades = _____ years

[2 markah/marks]

5 $\text{RM } 14\,057.50 \div 25 =$

[2 markah/marks]

- 6 Hitung $7 \times 1\text{ km } 650\text{ m}$.
Nyatakan jawapan dalam km dan m.
*Calculate $7 \times 1\text{ km } 650\text{ m}$.
State the answer in km and m.*

[2 markah/marks]


7 $8\,954\text{ m} = \underline{\hspace{2cm}}\text{ km } \underline{\hspace{2cm}}\text{ m}$

[2 markah/marks]

- 8 Jumlah harga bagi 5 buah komputer riba yang sama ialah RM19 750. Sebuah syarikat membeli 8 buah komputer riba itu untuk pekerjaanya. Berapakah jumlah harga yang dibayar oleh syarikat itu?
The total price for 5 similar laptops is RM19 750. A company buys 8 laptops for its employees. What is the total payment made by the company?

[3 markah/marks]

- 9 Rajah di bawah menunjukkan sebuah segi tiga sama kaki.
The diagram below shows an isosceles triangle.



- (a) Nyatakan nama sudut x .
Name the angle x .

[1 markah/mark]

- (b) Apakah nama sudut y ?
What is the name of angle y ?

[1 markah/mark]


- 10 Jadual di bawah menunjukkan jisim tiga buah bungkusan.
The table below shows the mass of three parcels.

Bungkusan <i>Parcel</i>	Jisim <i>Mass</i>
Q	3 kg 100 g
R	200 g kurang daripada bungkusan Q <i>200 g less than parcel Q</i>
S	4 250 g

Hitung jumlah jisim, dalam kg dan g, ketiga-tiga bungkusan.
Calculate the total mass, in kg and g, of the three parcels.

[3 markah/marks]

- 11 Rajah menunjukkan beberapa segi empat sama yang sama saiz.
The diagram shows several squares of the same size.




Hitung peratusan bahagian berlorek daripada seluruh rajah itu.
Calculate the percentage of the shaded part of the whole diagram.

[2 markah/marks]

- 12 Sebanyak 8 360 buah buku perlu dimasukkan ke dalam kotak. Setiap kotak boleh memuatkan 20 buah buku. Hitung bilangan kotak yang diperlukan.
There are 8 360 books need to put into boxes. Each box can fill with 20 books. Calculate the number of boxes needs.

[2 markah/marks]

- 13 Rajah di bawah menunjukkan satu satah Cartes.
The diagram below shows a Cartesian plane.



Apakah nisbah panjang QR kepada panjang QS?
What is the ratio of QR length to QS length?

[2 markah/marks]

BAHAGIAN B

Section B

[24 markah]

[24 marks]

Jawab **semua** soalan.

*Answer **all** the questions.*

1 Jadual menunjukkan harga beberapa jenis barang.

The table shows the prices of several items.

Barang <i>Item</i>	Harga seunit <i>Price per unit</i>
Santan kotak (1 ℓ) <i>Boxed coconut milk</i>	RM7.50
Minyak masak (5 ℓ) <i>Cooking oil</i>	RM19.60
Sardin (750 g) <i>Sardines</i>	

(a) Harga 4 tin sardin ialah RM32. Berapakah harga bagi 5 tin sardin?

The price of 4 tins of sardines is RM32. How much is the price for 5 cans of sardines?

[3 markah/marks]

(b) Puan Khadijah membeli 3 kotak santan, 1 botol minyak masak dan 2 tin sardin dengan wang RM150. Berapakah baki wang yang dia peroleh?

Puan Khadijah bought 3 boxes of coconut milk, 1 bottle of cooking oil and 2 tins of sardines for RM150. How much money does she have left?

[3 markah/marks]

- (c) Puan Khadijah memberi sekotak santan kepada jirannya, Puan Zaiton. Jirannya telah menggunakan 650 ml santan itu untuk memasak kuah kari. Hitung isi padu, dalam ml, santan yang masih tinggal di dalam kotak tersebut.

Puan Khadijah gave a box of coconut milk to her neighbour, Puan Zaiton. Her neighbour has used 650 ml of the coconut milk to cook curry sauce. Calculate the volume, in ml, of the coconut milk remaining in the box.

[3 markah/marks]

- (d) Puan Zaiton mula memasak pada pukul 2:30 p.m. selama 1 jam 30 minit. Pada pukul berapakah Puan Zaiton selesai memasak? Lengkapkan muka jam berikut untuk menunjukkan jawapan kamu.

Puan Zaiton starts cooking at 2:30 p.m. for 1 hour 30 minutes. What time did Puan Zaiton finish cooking? Complete the following clock face to show your answer



[3 markah/marks]

- 2 (a) 18 daripada 36 orang murid kelas Cerdik adalah murid lelaki. Hitung peratusan murid lelaki di dalam kelas itu.

18 out of 36 pupils in Cerdik's class are boys. Calculate the percentage of boys in the class.

[2 markah/marks]

- (b) Jadual menunjukkan jenis kenderaan yang digunakan oleh murid kelas 4 Cerdik ke sekolah.
The table shows the type of vehicles used by class 4 Cerdik pupils to school.


Jenis kenderaan <i>Type of vehicles</i>	Bas <i>Bus</i>	Kereta <i>Car</i>	Lain-lain <i>Others</i>
Bilangan murid <i>Number of pupils</i>	$\frac{1}{2}$ daripada jumlah murid $\frac{1}{2}$ of the total pupils	$\frac{1}{3}$ daripada jumlah murid $\frac{1}{3}$ of the total pupils	6

Bilangan murid di dalam kelas 4 Cerdik ialah 36 orang. Berapakah beza antara bilangan murid yang datang ke sekolah menaiki kereta berbanding dengan bas?

The number of pupils in class 4 Cerdik is 36 people. What is the difference between the number of pupils who go to school by car compared to by bus?

[3 markah/marks]

- (c) Piktograf di bawah menunjukkan makanan kegemaran murid-murid kelas 4 Cerdik.
The pictograph below shows the favorite food of Cerdik class 4 students.



- (i) Apakah makanan kegemaran yang mempunyai bilangan murid sebanyak 9 orang murid?
What is the favorite food that has 9 pupils?

[1 markah/mark]


- (ii) Hitung jumlah murid yang gemar makan bihun goreng dan roti bakar.
Calculate the total number of pupils who like to eat fried vermicelli and toast.

[2 markah/marks]

- (d) Jadual di bawah menunjukkan bilangan buku di sudut bacaan kelas 4 Cerdik mengikut subjek.
The table below shows the number of books in the reading corner of Class 4 Cerdik by subject.

Subjek <i>Subject</i>	Bilangan buku <i>Number of books</i>
Bahasa Melayu	40
Bahasa Inggeris <i>English</i>	25
Matematik <i>Mathematics</i>	10

Bina satu carta palang berdasarkan data di atas.
Build a cross chart based on the data above.



[4 markah/marks]